

07/03/1997

Mandela mulakan lawatan lima hari

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi lima hari dan diberi sambutan negara di bangunan Parlimen.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Afrika Selatan itu kemudiannya disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Bangunan Parlimen.

Rombongan beliau disertai teman wanitanya, Graca Machel, 30, pegawai dan 85 wakil sektor swasta Afrika Selatan.

Mandela menerima tabik hormat perbarisan 31 anggota dan empat pegawai Rejimen Pertama Askar Melayu Diraja.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan disertai 21 bedilan meriam sebelum beliau diperkenalkan kepada Menteri Kabinet dan diplomat asing.

Selain majlis makan malam di Istana Negara malam ini, Mandela dijadual mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir bagi membincangkan isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

(END)